



BERBICARA TENTANG PERTANTANGAN

RANCANGAN BICARA PUISI

PERBADANAN PENYIARAN SINGAPURA

TARIKH SIARAN: 28 FEB 1984

DISIAPKAN OLEH : NIZQIN (MOHAMED NAIM DAUPI)

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

*sebagai penyair akau harus berwatak jelas
sebagai penyair aku harus berotak waras
dan mataku harus sanggup mengejar bintang
begitu kilat menggamit sepuas pandang.*

*sebagai penyair aku harus berdendang
dan bernyanyi
kudengungkan suara di pekak udara
ke sawang hawa
sebagai penyair aku harus berani
dilemapari bunyi
dan telinga harus sanggup dihinggapi tuli.*

Masuri s.n.

Sebagai penyair

ARAHAN: PUTARKAN LAGU PERKENALAN.

JURUHEBAH :

Saudara-saudara pendengar yang saya muliakan.
Selamat bertemu lagi dalam satu lagi siri RANCANGAN BICARA PUISI kegemaran kita bersama ini. Semoga yang kami atur dalam keluaran minggu ini akan memberi senang kepada jiwa dan pemikiran kita.

Tukilan puisi yang sebentar tadi saudara hayati merupakan suara hati penyair veteran yang tak asing kepada kita; Mansuri S.N. Puisi tersebut merupakan tukilan dari bait pertama dan keempat dari puisi beliau: **SEBAGAI PENYAIR** yang termuat dalam antologi Warna Suasana.



Suara Mansuri dengan amat jelas meminta kita; kaum penyair supaya bangkit menyuarakan suara hati kita dengan sebenar-benarnya dan sejujur-jujurnya. Kita tidak perlu berasa gentar menghadapi sesuatu risiko kerana apa yang telah kita suarakan itu merupakan suatu pemindahan dari suasana keliling, dari gerak emosi masyarakat merasai sekitarnya dan dari gerak tanggapan kita yang mahukan suatu penyusunan sosial yang lebih adil, bersih, mesra dan dapat dinikmati oleh setiap golongan masyarakat. Ya saudara-saudara! Kita harus terus berdendang dan bernyanyi hingga menembusi jagat raya, kita harus mengucapkan sesuatu yang memberi terang kepada kehidupan masyarakat kita.

ARAHAN: PUTARKAN LAGU SELINGAN.

Saudara-saudara pendengar yang saya hormati.
Minggu ini, Rancangan Bicara Puisi mengisi sorotan ke atas dua kuntum puisi pilihan, lagu berunsur puisi, istilah dalam puisi, sudut pandangan dan deklamasi puisi kiriman dari saudara-saudara sekalian.

Seperti yang pernah dikumandangkan minggu lalu, sesungguhnya rancangan kegemaran kita bersama ini tidak akan berseri dan berwarnaandainya keturutsertaan saudara tidak kami dapati. Oleh yang demikian, kami menyeru saudara-saudara untuk turut bersama-sama kami. Ya saudara-saudara! Hantarkanlah dengan segera sumbangan saudara kepada kami:

**PENERBIT
RANCANGAN BICARA PUISI
CALDECOTT HILL
THOMSON ROAD
SINGAPURA 1129.**

JURUHEBAH :

Saudara-saudara pendengar.
Rancangan Sorotan Puisi kami mulakan dengan sorotan sekilas ke atas puisi ciptaan HUSMALI yang bertajuk **Seorang Budak Perempuan Dengan Sebuah Puisi Kejam**. Sorotan puisi karya saudara Husmali ini merupakan sumbangan dari Nizqin. Sekarang dengarilah puisi Seorang Budak Perempuan Dengan Sebuah Puisi Kejam yang kemudiannya kami susuli dengan pembicaraan ke atas puisi tersebut.



ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI.

*budak perempuan ini sering melaungkan
puisi-puisi sepi mengetuk pintu hati
menjerit bathinnya memohon belas kesian
berlutut
bertaliaruskan turun naik tangga
rumah suci yang pernah bermahkota ini
yang menjadi miliknya
dengan saku bajunya ternganga
saban hari
bola mata raja dan jantung hati sultan
bergolek dan berdenyut
lantas berlalu tanpa peduli*

*di sini tiada baginya
memutar penyambung hidupnya
kota ini memaksa ia menjadi peminta
dengan kesal dan hampa
dinantikan sebuah pengakhiran.*

*kerana bila malam telah menyepi
pilu retak menggugat rasa
Tuhan diserunya dengan air mata
kerana bila malam telah senyap dihafalkan kalimah-kalimah zalim:*

*“encik, saya peminta sedekah
beberapa teguk air kebaikan
melega dahaga masa depan.”*

SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar BICARA PUISI yang saya muliakan.

Dalam membuat sorotan kali ini, izinkanlah saya membuat pertanyaan ini: Apakah puisi hanya semata-mata untuk membuat rakaman terhadap secebis kehidupan atau sedetik peristiwa sahaja? Jawabannya tentulah tidak kerana puisi tidaklah setakat demikian. Ia mengajak kita membuat perenungan kepada inti pembicaraan yang terakam. Dan perenungan ini tentunya timbul setelah rasa kemanusiaan kita tergugah beberapa ketika.



Demikianlah puisi, ia tidak berhenti setelah dibaca atau setelah didengari, ia singgah dan berhenti bersama keharuan kita dan penelitian kita, ia menggugat dan menyegat perasaan dan pemikiran kita. Jadi puisi bukanlah rakaman-rakaman penyair terhadap kehidupan semata-mata, puisi bukanlah sebuah foto yang dipetik oleh seorang pelukis. Ia lebih bergetar dan mendesak perasaan dan pemikiran kita untuk turut merasai sama, beban rasa dan fikir seorang penyair sewaktu mencipta.

Saudara-saudara pendengar:

Puisi yang menjadi bahan ulasan saya kali ini adalah sebuah puisi yang tertuju kepada apa yang saya katakan tadi. Ia bukanlah sekadar untuk merakam 'apa yang dilihat' oleh penyair dalam lingkungan kehidupannya. Puisi Seorang Budak Perempuan Dengan Secebis Puisi Kejam oleh Husmali ini telah meruntun jiwa untuk turut terharu dan mendesak pemikiran kita untuk turut menyesali sedetik peristiwa yang disingkapnya. Puisi ini juga adalah pernyataan simpati dan rasa kemanusiaan penyair yang cukup mendalam terhadap secebis kehidupan yang dicetusnya. Perlukisan-perlukisan yang terperinci tentang kederitaan seorang anak manusia telah menggugah rasa kemanusiaan kita untuk turut menyatakan simpati kita terhadapnya.

Saudara-saudara pendengar:

Sememangnya kehidupan ini penuh dengan pertantangan, penuh dengan kegelisahan, penuh dengan segala macam pancaroba yang mencabar kita sepanjang masa. Tetapi kehidupan akan menjadi lebih sukar dan pahit andainya tindak tanduk manusia di luar rasa kemanusiaan, kehidupan akan menjadi lebih sempit dan menyesak bila gerak-geri manusia sudah kehilangan simpatinya sesama sendiri. Demikianlah mungkinnya yang ingin disingkap HUSMALI melalui puisinya tadi.

HUSMALI melukiskan kederitaan seorang budak perempuan yang terpaksa menjadi peminta-minta di dalam kota yaang sibuk ini. Kota dan kehidupannya telah menjerat anak kecil ini untuk mengenal erti keperitan, kepedihan, kepedulian, kesebakan dan kekesalannya membebani hidupnya sendiri. Kehidupan kota dan penghuninya telah mengajar anak sekecil itu mengenali manusia di dalam lingkungan hidupnya. Kota menjadikannya tiada pilihan lain untuk dia menjadi peminta-minta dengan rasa kehampaan dan kekesalannya. Dengarilah perlukisan HUSMALI terhadap anak perempuan ini dalam bait pertamanya ini:



ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI:

*Budak perempuan ini sering melaungkan
Puisi-puisi sepi pengetuk pintu hati
Menjerit bathinnya memohon belas kesian
Berlutut.*

SOROTAN:

Kesempitan telah mengajar manusia mengenal manusia lainnya dengan lebih mendalam. Anak perempuan yang digambarkan oleh HUSMALI ini juga dapat mengerti tentang lenyapnya rasa kasih sayang, rasa simpati dan rasa kemanusiaan di hati penghuni-penghuni kota. Apatah lagi bila HUSMALI menggambarkan pengunjung-pengunjung rumah suci yang pada dasarnya penuh dengan rasa keinsafan dan penuh dengan rasa kasih sayang telah ‘bersultan dan beraja’ di dalam hati dan jantung mereka, membiarkan dan tidak mempedulikan tangan-tangan halus yang meminta belas kasihan, menolak ujian-ujian Tuhan pada rasa keinsafan dan ketaqwaannya sewaktu mengunjungi rumah suci itu. Dengarilah penerapan HUSMALI ini:

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

*ditaliaruskaan turun naik tangga
rumah suci yang pernah bermahkota ini
yang menjadi miliknya
dengan saku bajunya ternganga
saban hari
bola mata raja dan jantung hati sultan
bergolek dan berdenyut
lantas berlalu tanpa peduli.*

SOROTAN:

Demikianlah gambaran-gambaran manusia yang digetus oleh HUSMALI yang kehilangan pertimbangan antara pegangan agama dengan amalannya, manusia-manusia yang kehilangan erti kasih sayang dan manusia-manusia yang kelesapan kemanusiaannya. HUSMALI dalam puisinya tadi ingin merakamkan juga bahawa kunjungan manusia ke rumah ibadat adalah suatu bukti keimanan manusia terhadap Tuhannya, tetapi mengabaikan rasa kasih sayang sesama umat sebenarnya memperlihatkan tipis dan ketidakserlahan keimanan manusia tersebut. Dan anak perempuan yang menjadi inti perbincangan HUSMALI itu harus menyerahkan suratannya itu kepada Tuhannya dengan suara-suara yang mengharukan.



ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

*kerana malam telah menyepi
pilu retak menggugat rasa
tuhan diserunya dengan airmata
kerana bila malam telah sayup
dihafalnya kalimah-kalimah zalim:
“encik, saya peminta sedekah
beberapa teguk air kebaikan
melega dahaga masa depan.”*

Saudara-saudara pendengsr.

Demikianlah puisi Seorang Budak Perempuan Dengan Secebis Puisi Kejam. Ia menyengat perasaan kita untuk turut terharu dan mendesak kita memikirkan tentang nasib anak perempuan yang digetus oleh penyairnya. Puisi ini telah memberikan kita dengan rasa keinsafan bahawa kehidupan tidak akan menjadi bertambah sukar dan pahit bila kasih sayang terus berbunga sesama manusia. Semoga dengan puisinya yang lain suara halus HUSMALI akan terus tertangkapkan oleh deria dengar kita. Sekarang dengarilah deklamasi puisi kedua yang akan menjadi bahan sorotan saudara Nizqin.

ARAHAN:

DEKLAMASIKAN PUISI INI

*bisu dan dingin
roma dicucuk embun
tatkala tiba di perhentian
dedaun malam yang layu gugur tiba-tiba
bergelora di laut biru
mendendam rasa di pantai putih
di sini kitapun mengenal erti aku
di antara pasir, batu, angin dan debu.
malam mendakap sepi
dalam kelam kita berlari di selimut resah
dan sebelum pulang kita ditanya
adakah kau di antara mereka
yang sekian lama dapat melihat
menyalahgunakan cinta, kasih sayang
lalu buta dan kecundang di akar bumi
di sini kitapun mengenal erti aku
di antara impian di antara kenyataan.*



SOROTAN:

Puisi yang sebentar tadi saudara hayati ialah puisi Di Sini Kita Pun Mengenal Erti Aku karya pendatang baru yang gigih S. ISMAN.

Sememangnya kehidupan penuh dan padat dengan berbagai-bagai warna. Dalam kehidupan kita melihat warna-warna yang cerah, pudar, kelam, gelap, terang, kusam dan berbagai-bagai lagi. Tetapi apakah warna-warna itu sudah sedia melingkungi kehidupan kita? Sebenarnya kitalah yang mewarnai kehidupan kita, kitalah yang membekalkan caranya atau malapnya pada kehidupan kita sendiri. Dan dalam memberi warna kepada kehidupan kita itu, pastikanlah bahawa kita mengenali diri kita terlebih dahulu atau pastikkanlah warna yang bagaimanakah yang cocok dan wajar kepada kehidupan kita. Andainya kehidupan sudah berada di ambang perhentian, maka peluang mewarnakan kehidupan kita sudah terbatas dan lenyap. Ambang perhentian bagi sesebuah kehidupan telah berdaya meneruskan kegiatan kehidupan. Hanya yang tinggal adalah kenangan-kenangan yang memaksa kita mengenal diri kita sendiri. Dan tentunya dalam situasi sebeginian, kita dikerumui oleh usikan-usikan yang merawankan, kita dihinggapi dengan kenangan-kenangan yang menghibakan.

Begitulah tanggapan sekilas saya pada bait satu puisi S.ISMAN itu; DI SINI KITA PUN MENGENAL ERTI AKU. Baris terakhir pada bait tersebut iaitu 'di antara pasir, batu angin dan debu' adalah gambaran-gambaran S.ISMAN terhadap kedudukan yang melingkari seseorang bila tiba di hujung hidupnya.

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

*bisu dan dingin
roma dicucuk embun
tatkala tiba di perhentian
dedaun malam yang layu gugur tiba-tiba
bergelora di laut biru
mendendam rasa di pantai putih
di sini kitapun mengenal erti aku
di antara pasir, batu, angin dan debu.*

SOROTAN:

Saudara-saudara pendengar:

Kalaulah melalui bait pertama tadi, S.ISMAN hanya berbicara sekilas tentang manusia yang tiba di perhentian hidupnya tetapi melalui bait keduanya pula, kita dapat melihat



S.ISMAN menyorot perbicaraannya dengan lebih khusus dan menuju kepada matlamat sebenar, apa yang terkandung dan terbeban jiwa bathinnya.

Telah saya perkatakan tadi, bahawa kegelisahan tentunya akan menyerap ke dalam jiwa seseorang manusia bila sahaja ia cuba mengenal erti sebenar dirinya, erti sebenar kewujudan diri dalam kehidupan yang pernah dihatrungnya. Baris-baris kalimat: *malam mendapak sepi / dalam kelam kita berlari di selimut resah*, memperlihatkan kenyataan saya tadi.

Saudara-saudara pendengar:

Kita percaya bahawa hujung hidup atau kematian itu bukanlah proses kehidupan yang telah berakhir. Kita percaya bahawa kita bakal dibangkitkan semula di alam yang baka'. Kematian adalah perhentian sementara atau persinggahan di alam barzah untuk di kembalikan ke alam yang lebih kekal. Dan dalam proses pemindahan inilah kita juga percaya bahawa akan ada pertanyaan untuk menilai diri kita sewaktu hidup.

Penyair S.ISMAN melalui puisinya menerapkan peristiwa ini dan menyingkap apakah pengucapan cinta, kasih dan sayang yang diamalkan sewaktu hidup dilimpahkan secara jujur dan penuh keikhlasan? Sesungguhnya pernyataan cinta kasih dan sayang yang ikhlas terhadap sesama manusia adalah pernyataan kemanusiaan yang intim. Sementara pengucapan cinta terhadap Tuhan adalah pengucapan cinta yang abadi. Andainya keikhlasan kita tidak termaterai dalam membuat pengucapan cinta yang abadi, kasih dan sayang, maka akan terserambab manusia dalam hidupnya:

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PETIKAN INI

*dan sebelum pulang kita ditanya
adakah kau di antara mereka
yang sekian lama dapat melihat
menyalah-gunakan cinta, kasih dan sayang
lalu buta dan kecundang di akar bumi.*

SOROTAN:

Meninjau keseluruhan puisi S.ISMAN, ia memberi kesan kepada kita, ia dapat mengajak kita sebentar mentelah apakah disebalik pengertian cinta, kasih dan sayang sebenarnya. Maka renungi diri kita; Apakah selama ini pemberian cinta, kasih dan sayang kita sesama manusia atau terhadap Tuhan itu benar-benar bernada jujur dan ikhlas? Kita percaya semua ini akan dibangkitkan semula sewaktu kita singgah sebentar di perhentian hidup yang sifatnya sementara juga.



ARAHAN:

**PUTARKAN SEBUAH LAGU YANG SENIKATANYA BERUNSUR PUISI
SEBAGAI SELINGAN DALAM RANCANGA INI.**

JURUHEBAH :

Saudara-saudara pendengar yang saya muliakan.

Aliterasi (**eja**) **a l i t e r a s i**, ya saudara-saudara; apakah yang dimaksudkan dengan aliterasi itu? Aliterasi ialah pengulangan huruf konsonan dalam baris-baris puisi.

Pengulangan huruf konsonan m misalnya dapat kita lihat dalam puisi Pulanglah Kerana Mutiara Itu Bisa tulisan JASADY ini:

kini

sebelum senyumanmu menukar muram
sebelum siangmu menukar malam
sebelum jantungmu tersorong jarum
pulanglah ke kampung halaman
pulanglah segera
pulanglah.

Atau dalam puisi pengenalan antologi PUNCAK SEMBILAN terdapat huruf konsonan n pula. Pengulangan inilah yang dikatakan aliterasi. Lihatlah:

dalam dandan
para insan
dan penyair dan seniman
menyimpul keharmonian
zaman berzaman
sejarah lelaki dan perempuanan.

Demikian saudara-saudara apa yang dikatakan orang aliterasi itu. Pada minggu hadapan akan kami sisipkan lagi istilah-istilah puisi yang lain bagi meluaskan persepsi kita tentang puisi dan daerah-daerahnya.

Saudara-saudara sekalian:

Pada minggu ini, ruangan sudut pandangan akan mengisi pandangan seorang penulis kita tentang KITA BERGERAK DARI KONVENSI YANG ADA. Penulis yang saya maksudkan itu ialah Mohamed Naim Daipi. Sekarang dengarilah pandangan beliau ini:



SUDUT:

Saudara-saudara pendengar yang saya hormati.

Hakikat sesuatu yang baru dan asing pada kebiasaan kita atau kebanyakan orang selalunya mendapat tentangan atau sekurang-kurangnya ejekan. Tetapi pada manusia moden dan progresif, sesuatu yang sudah konvensional akan ditolak dan diketepikan. Mereka amat gemar bereksperimen-eksperimen untuk menelurkan suatu kepuasan yang baru di dalam diri mereka. Demikianlah penerimaan kita terhadap perubahan dan pembaharuan.

Hal ini juga muncul dalam puisi moden Melayu yang diperlopори oleh Pungguk atau Mohd Yassin makmur. Semua ikatan dan kongkongan untuk melahirkan perasaan dan pemikiran menerusi puisi sedaya upaya mahu dilepaskan. Bentuk-bentuk puisi Melayu lama seperti pantun dan syair yang mengandungi aturan-aturan yang telah ditetapkan telah dipandang sebagai suatu halangan atau sebagai satu acuan dalam menyatakan rasa dan fikir manusia. Kelahiran fikiran dan perasaan seseorang seolah-olah dibendung oleh ikatan-ikatan rima dan irama yang hanya melahirkan suatu estetika yang dipaksa-paksakan.

Tetapi apakah Pungguk atau penyair-penyair sezamannya yang mencetuskan suatu perubahan fikiran dalam masyarakatnya terus-terusan melepaskan ikatan puisi tradisional pantun dan syair? Atau apakah mereka sesungguhnya telah melepaskan bentuk konvensi yang telah sedia ada dalam zamannya itu?

Melihat kepada puisi-puisi moden yang terlahir dalam tahun tiga puluhan itu, memangnya terdapat perubahan dalam menyatakan atau menyampaikan fikiran dan perasaan mereka. Tetapi pada bentuknya, ia masih termaklum sebagai puisi-puisi tradisional, bergerak dari konvensi yang ada.

Walaupun terdapat usaha menyimpangkan ikatan-ikatan puisi lama ini untuk memberikan suatu pernafasan baru dalam pengucapan puisi kita, namun pelepasan-pelepasan itu tidak menyeluruh. Terdapat pemakaian empat baris seuntai dan unsur-unsur persamaan bunyi dan pertentangan bunyi pada setiap baris puisi-puisi moden peringkat awal ini. Sekadar contoh saya perturunkan puisi yang dihasilkan oleh Pungguk yang bertajuk KELUH KESAH yang masih terikat dalam bentuk puisi tradisional pantun.

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI



*Waktu senja burung terbang
Waktu adinda bersedih cita
Hancur lebur di kalbu abang
Sedihkan adik panah dewata*

*Waktu dini hari malam yang sunyi
Waktu kanak-kenak kehilangan ibu
Abang meratap berbagai bunyi
Merindukan adik bernyala di kalbu*

*Waktu subuh menyingsing di angkasa
Waktu subuh bersahut-sahutan
Abang termimpi berbagai rasa
Adik disangka hanyut di lautan*

*Waktu kabut menyambut siang
Waktu makhluk bangun bekerja
Abang terlalai waktu sembahyang
Asyikkan adik intan durja.*

JURUHEBAH :

Saudara-saudara, demikian bahagian pertama pandangan saudara Mohamed Naim Daipi, Kita Bergerak Dari Konvensi Yang Ada. Pada minggu hadapan akan kami perengarkan pula bahagian keduanya.

Saudara-saudara:

Bagi mengakhiri rancangan bicara puisi kita minggu ini, terimalah sekuntum puisi kiriman saudara A.SALIM BASRI dari KALLANG BAHRU, SINGAPURA yang bertajuk KEHILANGAN. Sehingga bertemu di lain siaran, salam manis kami:

ARAHAN: DEKLAMASIKAN PUISI INI

*Inginku belayar segera
Merantau seluruh dunia
Mencari kitab al-quran
Yang telah lama hilang
Dari genggam tangan*



*Demiku berjanji kini
Meski tenat nafas diri
Dalam cuaca ganas ngeri
Hingga bertemu kembali.*

*Kerana ia adalah pusaka
Dari orang tua mulia
Yang telah ikhlas berikan
Padaku sejak dilahirkan.*

ARAHAN:

PUTARKAN LAGU PENUTUP RANCANGAN INI.

